

# UniMAP Ungguli Combat Robot Competition

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus melebarkan kecemerlangan apabila meraih kemenangan bergaya setelah mengungguli dua tempat teratas dalam The National Level Combat Robot Competition & Southeast Asia Combat Robot Competition 2013 yang berlangsung di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur.

Dalam pertandingan yang julung kali dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Syarikat Myrobotz Enterprise itu, UniMAP diwakili oleh dua Pusat Pengajian iaitu Pusat Kejuruteraan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan DCEN serta Pusat Pengajian Mekatronik dengan dua pasukan CON-Q dan CON-Z.

Pertandingan yang terbahagi kepada 2 bahagian iaitu pertandingan peringkat Malaysia dan Peringkat Asia Tenggara ini menyaksikan, kesemua 3 pasukan UniMAP telah berjaya menjadi juara kumpulan masing-masing peringkat Malaysia seterusnya menjadi antara 18 pasukan terbaik untuk mara ke pertandingan peringkat Asia Tenggara. Dalam pertandingan

peringkat Asia Tenggara, dua pasukan UniMAP iaitu DCEN dan CON-Q telah berjaya muncul juara kumpulan masing-masing untuk mara ke peringkat separuh akhir. Di peringkat ini, kedua-dua wakil UniMAP sekali lagi menonjolkan persembahan mantap untuk menjuarai kumpulan masing-masing sekaligus menyaksikan pertembungan sesama sendiri antara DCEN dan CON-Q di pusingan akhir.

Pasukan CON-Q akhirnya terpaksa akur dengan kehebatan DCEN untuk muncul juara dengan membawa pulang trofi dan hadiah wang tunai RM 20,000 manakala pasukan CON-Q pula sebagai naib juara telah membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM 15,000. Hadiah disampaikan oleh Timbalan Menteri MOSTI, YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Sebanyak 80 pasukan termasuk dari Singapura dan Laos mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut yang turut menyaksikan UniMAP meraih Anugerah Teknologi/Kejuruteraan terbaik melalui pasukan CON-Q yang menawarkan hadiah sampungan wang tunai RM5,000.

